

E-BULETIN
EDISI
2023



Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



KESAN OPR KEPADA PENGGUNA

Noor Azillah

Mohamad Ali,

Rozihanim Shekh

Zain & Syazliana

Kasim

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Negeri Sembilan

& Universiti Teknologi MARA

Cawangan Perlis

Jadual 1: Keputusan dan Pernyataan OPR

Tarikh	Perubahan OPR (%)	Aras OPR Baru (%)
3 Mei 2023	+0.25	3.00
09 Mac 2023	0	2.75
19 Jan 2023	0	2.75
3 Nov 2022	+0.25	2.75
8 Sept 2022	+0.25	2.50
6 Jul 2022	+0.25	2.25
11 Mei 2022	+0.25	2.00

Sumber: Bank Negara Malaysia

Merujuk kepada Jadual 1, ia memaparkan pernyataan Overnight Policy Rate (OPR) bermula pada Mei 2022 sehingga pada Mei 2023. Ini menunjukkan tren OPR ini bermula mata nilai 2.00 peratus sehingga Mei 2023 aras OPR baru iaitu 3.00 peratus. Apabila kadar OPR yang baru diumumkan, maka berbagai perbincangan timbul antara beberapa pihak yang terkesan secara langsung mahupun tidak langsung.

Umum mengetahui bahawa, Bank Negara Malaysia (BNM) bertanggungjawab pada kenaikan (OPR) atau Kadar Dasar Semalaman. Di mana BNM mengenakan kadar pinjaman kepada semua bank-bank komersial. Ini adalah sebahagian

peranan BNM dari dasar monetari. Kenaikan OPR akan memberi kesan langsung kepada bank komersial, peminjam syarikat mahupun individu.

Begitu banyak persoalan dari pelbagai pihak apabila Jawatan Kuasa Monetari (MPC) memutuskan kenaikan OPR. Berdasarkan daripada penyataan MPC, kenaikan OPR adalah langkah monetari yang terbaik bagi menangani krisis Covid-19 dan dalam masa yang sama adalah bagi menggalakkan pemulihan ekonomi Malaysia. Kenaikan OPR ini juga adalah bagi mengelakkan risiko kewangan di masa hadapan. Penulisan ini akan lebih menjurus kepada pengguna yang mana terlibat dalam menerima perkhidmatan dari bank-bank komersial. Apakah mereka terbeban apabila OPR akan meningkat setiap 3 bulan? Apakah tindakan yang perlu pengguna lakukan? Bertindak atau hanya duduk diam dan redha dengan situasi ini?

Apakah kesan ketara kepada pengguna apabila peningkatan OPR bermula pada tahun 2022 sehingga yang terkini pada Mei 2023 menjadi aras baru OPR sekarang 3.00 peratus. Kadar kos pinjaman akan meningkat akibat perubahan OPR ini. Peningkatan ini dijangka akan berlaku lagi dalam bulan Julai 2023. Peningkatan yang berlaku ini sememangnya akan memberi kesan terhadap aliran tunai isi rumah dan akan memberi tekanan langsung kepada kewangan. Sebagai pengguna yang terikat dengan perjanjian pembiayaan yang mana kadar ansuran akan berubah tetapi apakah persediaan yang boleh dilakukan oleh pengguna. BNM mempunyai peranan dalam mengawal dasar monetari demi kelangsungan pengawalan risiko kewangan

maka kita sebagai pengguna juga perlu sama-sama bertindak seiring dengan membuat dasar monetari isi rumah dalam memastikan juga aliran tunai kewangan isi rumah kita di masa hadapan tidak bermasalah.



Pengguna perlulah membuat pembentangan kewangan isirumah, berapa banyak perubahan dalam pembayaran pembiayaan pinjaman perumahan ataupun pinjaman peribadi perlu lah dicatat untuk dipantau. Kesan kenaikan pembiayaan ini walaupun kenaikan sebanyak Ringgit Malaysia Dua puluh (RM20) atau lebih, ini akan memberi kesan langsung kepada aliran tunai sesebuah keluarga. Setelah setahun perubahan nilai mata OPR menjadi 3.00 peratus, berapakah beza ansuran pembiayaan anda? Adakah aliran tunai terasa sempit? Sekali kenaikan mungkin ia tidak terlalu menekan tetapi bila diteliti dan diamati jika peningkatan berterusan dengan kadar lama ianya akan memberi bebanan. Setelah merasakan ia memberi impak kepada kewangan keluarga maka ia adalah satu petanda kepada kita bahawa kita perlu buat sesuatu. Tidak boleh tunggu dan lihat sahaja penambahan dalam aliran tunai keluar kita ini. Sememangnya kenaikan ansuran bakal memberi tekanan kepada kita terutama di kala kelembapan ekonomi kini dan kenaikan harga barang keperluan yang menekan semua lapis masyarakat.

Oleh kerana itu, belanjawan isi rumah perlu diteliti semula. Di mana pengguna perlulah membuat pengurangan pada perbelanjaan bulanan. Ini adalah bagi memastikan tiada tekanan kewangan yang membebankan pengguna. Pertamanya, pengguna perlu memastikan perbelanjaan yang tidak penting boleh dikurangkan ataupun dibuang terus dalam perbelanjaan keluarga. Di sini kita perlu melihat sesuatu item tersebut samada ianya satu keperluan ataupun kehendak. Contohnya seperti langganan yang jarang digunakan seperti televisyen berbayar ataupun langganan majalah yang hanya dilihat sesekali sahaja. Pengguna perlulah bijak dalam memastikan darjah kepentingan sesuatu itu perkara itu kerana jika dirasakan ia tidak perlu maka keputusan segera perlu dibuat. Pengurangan dalam perbelanjaan adalah cara yang paling terbaik bagi mengekang tekanan kewangan ini. Pengguna perlulah menilai aliran tunai sebelum dan selepas

kenaikan pembiayaan yang bertanggung. Ini membolehkan pengguna dengan jelas nampak berapa perbezaan ketara aliran tunai mereka.

Tambahan dengan kelembapan ekonomi ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada kuasa beli pengguna, maka ini adalah masa yang terbaik untuk memastikan pengguna melaksanakan konsep berjimat dalam setiap perkara. Contohnya dalam keadaan cuaca panas yang melampau ini kadar penggunaan elektrik amatlah tinggi, maka pengguna perlu mengurangkan kos tenaga elektrik dengan penggunaan secara berhemah. Apa jua yang melibatkan kos dan kita oleh kawal dari segi penggunaan maka ini laksanakanlah.

Pelaburan adalah baik kepada semua pengguna. Konsep pelaburan adalah satu perbuatan yang amat baik untuk dijadikan satu habit. Syarat pelaburan yang patut dipraktikkan oleh semua pengguna adalah ketika ada lebihan tunai dalam belanjawan pengguna tetapi jika keadaan yang mendesak, di mana aliran tunai pengguna adalah di tahap yang negatif maka pelaburan perlu ditangguhkan. Pengguna yang bijak perlu melihat jika ada pelaburan yang tidak mendatangkan keuntungan maka pengguna perlu kurangkan atau menamatkan instrument pelaburan tersebut. Penyelarasan semula mana-mana instrumen pelaburan perlu bagi mengurangkan tekanan kewangan.

Gaya pembelian acah-acah orang kaya perlulah dihentikan. Budaya membeli-belah pada barangan yang mengikut tren mahupun mewah perlu dilenyapkan dalam corak pembelian. Pengguna boleh bertukar kepada gaya pembelian yang sederhana. Tidak ada lagi pembelian secara impulsif kerana gaya pembelian begini akan meningkatkan perbelanjaan pengguna. Perubahan corak pembelian perlu diubah. Pengguna mungkin boleh mengambil peluang dalam mencari pembelian di kedai-kedai terpakai ataupun mengambil peluang diskaun yang ditawarkan. Ini adalah cara yang terbaik bagi mengekang perbelanjaan yang gelojoh. Selain daripada itu pengguna mungkin boleh mempertimbangkan untuk berunding harga dengan penjual atau pembekal ketika proses jual beli berlangsung. Ini adalah masa yang terbaik untuk kita sebagai pengguna untuk mendapatkan barangan dengan harga yang murah. Ini adalah tips terbaik dalam memastikan kita dapat berjimat dan dalam masa sama kita dapat mengawal perbelanjaan kita. Strategi ini wajar diadaptasi kepada semua pengguna yang terlibat dalam kesan peningkatan OPR kerana apabila pembiayaan ansuran berubah ia memberi kesan perubahan aliran tunai kita. Pengguna perlulah pandai mengawal perbelanjaan demi kelangsungan hidup bukan sahaja sekarang tetapi untuk cabaran kewangan akan datang.